



MAJLIS BANDARAYA IPOH

NOTIS SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:-

NO SEBUTHARGA TAJUK FAIL RUJUKAN	KELAYAKAN KONTRAKTOR/ SYARIKAT	TARIKH/HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH & MASA SEBUTHARGA DITUTUP
<u>NO. SEBUTHARGA</u> S0084/19 <u>FAIL RUJUKAN</u> A1/11/6/06 <u>TAJUK</u> CADANGAN MEMBEKAL, MENJAHIT DAN MENGHANTAR PAKAIAN SERAGAM ANGGOTA MAJLIS BANDARAYA IPOH BAGI TAHUN 2019 Sebutharga Yang Lewat Tidak Akan Diterima.	(TERBUKA) 222401 - Menjahit Pakaian Dan Kelengkapan	<u>DARI TARIKH</u> 05 Ogos 2019 (Isnin) <u>HINGGA</u> 13 Ogos 2019 (Selasa) <u>HARGA DOKUMEN</u> RM 30.00 <u>TEMPAT</u> Bhg Bekalan Tkt 1, Jab Perbendaharaan Majlis Bandaraya Ipoh <u>WAKTU URUSAN</u> Isnin - Khamis 08:00 pagi - 01:00 petang Jumaat 08:00 pagi - 12:15 Tgh Hari	<u>TARIKH</u> 14 Ogos 2019 (Rabu) <u>MASA</u> 12:00 TENGAHARI

2. Sekiranya petender tidak berdaftar dengan Majlis Bandaraya Ipoh dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan kadar yang telah ditetapkan. Pembayaran bagi pembelian dokumen dan Pendaftaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Deraf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos** atas nama **MAJLIS BANDARAYA IPOH** dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Dokumen sebut harga hanya dijual kepada syarikat atau wakilnya yang sah sahaja yang menunjukkan **Sijil KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA Asal berserta satu salinan sijil tersebut dan Surat Wakil (bagi bukan pemegang asal sijil).**

3. Semua dokumen sebut harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor sebut harga berkenaan di penjurong kiri dan dialamatkan kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di **Bahagian Bekalan, Tingkat 1, Jabatan Perbendaharaan, Majlis Bandaraya Ipoh.**

4. Majlis Bandaraya Ipoh tidak terikat untuk menerima dokumen sebut harga yang terendah atau sebarang dokumen sebut harga. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebut harga yang tidak terdapat di dalam Peti Sebut harga setelah Peti Sebut harga dibuka.

5. Tidak mempunyai sebarang tunggakan (Cukai Taksiran/ Kompaun/ Sewaan/ Semak Samun/ pelbagai tunggakan lain) dengan MBI. Sekiranya tunggakan ini dijelaskan sebelum atau dalam tempoh penjualan dokumen sebut harga, kontraktor/ pembekal layak untuk menyertai sebut harga ini.

6. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan.

7. Laman Web: www.mbi.gov.my

MOHD SYAZLAN BIN MOHD ISA SUFFIAN, AMP
PENGARAH PERBENDAHARAAN BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA IPOH

MUHAMMAD HAFIZ BIN MUHYADDIN
PENOLONG PENGARAH PERBENDAHARAAN (AM & BEKALAN)
MAJLIS BANDARAYA IPOH